



Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Warga LGM
Daripada : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/KP/KUPSM/027
Tarikh : 19 Disember 2025

**KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 24 TAHUN 2025**

**TUNTUTAN BAYARAN BALIK YURAN KEAHLIAN BADAN
PROFESIONAL/PERSATUAN AKADEMIK BAGI PEGAWAI LEMBAGA GETAH
MALAYSIA**

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Bil 187 Tahun 2025 pada 15 Disember 2025 telah meluluskan Garis Panduan Pembayaran Balik Yuran Keahlian Badan Profesional/Persatuan Akademik Bagi Pegawai Lembaga Getah Malaysia (LGM).

3. Bayaran balik yuran keahlian Badan Profesional/Persatuan Akademik adalah berdasarkan:

- a. Prinsip utama pemberian tuntutan bayaran balik keahlian di dalam sesuatu badan profesional adalah keahlian badan profesional yang diwajibkan oleh sesuatu Akta/Peraturan bagi membolehkan suatu skim perkhidmatan/ seseorang pegawai menjalankan tugas profesionalnya di dalam sektor perkhidmatan awam.
- b. Terdapat peruntukan yang jelas di dalam Akta/Peraturan berkaitan yang menetapkan bahawa seseorang pegawai **wajib berdaftar** dengan badan profesional tersebut bagi membolehkan mereka menjalankan tugas profesionalnya secara rasmi mengikut peraturan yang ditetapkan.
- c. Sekiranya **pegawai masih boleh menjalankan tugas jawatannya tanpa perlu menjadi ahli dan keahlian di dalam badan profesional** tersebut adalah sebagai nilai tambah kepada pegawai, maka tuntutan bayaran balik tidak dipertimbangkan.

4. Bersama-sama ini dilampirkan Garis Panduan Pembayaran Balik Yuran Keahlian Badan Profesional/Persatuan Akademik Bagi Pegawai Lembaga Getah Malaysia (LGM) untuk rujukan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF"

Emilia

(EMILIA BINTI KASSIM)